

LAPORAN TAHUNAN | ASNB



ASN Imbang 3 Global

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021



NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BAGI ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL, (ASN IMBANG 3 GLOBAL) BERTARikh 20 OKTOBER 2021

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus ASN Imbang 3 Global bertarikh 16 September 2020 (Prospektus) telah dikemas kini melalui Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang 3 Global yang bertarikh 20 Oktober 2021 (PTP). Kemaskini yang dilakukan di dalam Prospektus adalah seperti berikut:

- 1) Penambahan definisi tentang Bursa Malaysia, Tempoh Bertenang, dan "Electronic Know Your Customer" (e-KYC) di bawah "Glosari Terma/Singkatan";
- 2) Kemaskini pernyataan prestasi penanda aras di bawah "Informasi Tabung";
- 3) Kemaskini tentang pendedahan risiko pandemik di bawah "Risiko Force Majeure" berkenaan "Risiko Am";
- 4) Pindaan ke atas ilustrasi Harga Tunggal di bawah "Polisi Harga Tunggal";
- 5) Penyataan semula berkenaan tempoh bertenang untuk kejelasan dan pemahaman yang lebih baik kepada Pemegang Unit di bawah "Informasi Tambahan";
- 6) Penerangan mengenai proses e-KYC yang baharu diperkenalkan iaitu proses untuk mengenal pasti dan mengesahkan identiti Pemegang Unit ASNB yang berpotensi secara elektronik di bawah Polisi dan Prosedur Pencegahan Pengubahan Wang Haram;
- 7) Maklumat mengenai pelantikan baharu Tun Arifin bin Zakaria dan Encik Ahmad Zulqarnain bin Che On sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "Latar belakang Pengurus"; dan
- 8) Pemansuhan pernyataan berkenaan "Transaksi Pihak Berkaitan/Konflik Kepentingan" di bawah "Konflik Kepentingan";

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjelaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PTP ini boleh diperolehi di laman sesawang ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@pnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	8
4. PENYATA PENGURUS	13
5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	14
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 3 GLOBAL	15
7. PENYATA KEWANGAN	18
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tempoh Kewangan Dari 16 September 2020 (Tarikh Dilancarkan) Sehingga 31 Disember 2021	18
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tempoh Kewangan Dari 16 September 2020 (Tarikh Dilancarkan) Sehingga 31 Disember 2021	19
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2021	20
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tempoh Kewangan Dari 16 September 2020 (Tarikh Dilancarkan) Sehingga 31 Disember 2021	21
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tempoh Kewangan Dari 16 September 2020 (Tarikh Dilancarkan) Sehingga 31 Disember 2021	22
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Disember 2021	23
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	56

**LAPORAN PENGURUS
ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL,
(ASN IMBANG 3 GLOBAL)**



ASN Imbang 3 Global

Pemegang-pemegang unit ASN Imbang 3 Global yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Imbang 3 Global dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN Imbang 3 Global bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL, (ASN Imbang 3 Global)	Aset Campuran Imbang	Pertumbuhan dan Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Imbang 3 Global adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pertumbuhan modal dan pengagihan pendapatan kepada pemegang-pemegang unit melalui pelaburan portfolio yang seimbang.

1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Imbang 3 Global menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks MSCI ACWI dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
MSCI ACWI <i>Sumber: www.msci.com</i>	50
Maybank 12 bulan <i>Sumber: www.maybank2u.com.my</i>	50

"Source: MSCI. The MSCI information may only be used for your internal use, may not be reproduced or disseminated in any form and may not be used as a basis for or a component of any financial instruments or products or indices. None of the MSCI information is intended to constitute investment advice or a recommendation to make (or refrain from making) any kind of investment decision and may not be relied on as such. Historical data and analysis should not be taken as an indication or guarantee of any future performance analysis, forecast or prediction. The MSCI information is provided on an "as is" basis and the user of this information assumes the entire risk of any use made of this information. MSCI, each of its affiliates and each other person involved in or related to compiling, computing or creating any MSCI information (collectively, the "MSCI Parties") expressly disclaims all warranties (including, without limitation, any warranties of originality, accuracy, completeness, timeliness, non-infringement, merchantability and fitness for a particular purpose) with respect to this information. Without limiting any of the foregoing, in no event shall any MSCI Party have any liability for any direct, indirect, special, incidental, punitive, consequential (including, without limitation, lost profits) or any other damages. (www.msci.com)"

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Imbang 3 Global akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2021, seramai 29,378 individu telah menyertai ASN Imbang 3 Global. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	7,285	24.80	12,680,427.21	0.92
5,001 hingga 10,000	3,673	12.50	32,550,103.09	2.36
10,001 hingga 50,000	12,601	42.89	330,633,270.23	23.96
50,001 hingga 500,000	5,561	18.93	708,743,576.90	51.37
500,001 dan ke atas	258	0.88	295,089,029.03	21.39
JUMLAH	29,378	100.00	1,379,696,406.46	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Imbang 3 Global mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2021 (%)
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:	
Perkhidmatan Komunikasi	4.38
Barangan Bukan Asasi Pengguna	9.39
Barangan Asasi Pengguna	6.01
Tenaga	2.41
Penjagaan Kesihatan	3.56
Perindustrian	6.47
Teknologi Maklumat	20.59
Bahan Asas	1.50
Hartanah	0.52
Utiliti	0.35
Jumlah	55.18
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:	
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	7.42
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	14.84
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	22.56
Jumlah	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2021¹
Sebelum Pengagihan Pendapatan	
NAB (RM'000)	1,422,196
NAB Seunit (RM)	1.0304
Selepas Pengagihan Pendapatan	
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	1.25
NAB (RM'000)	1,404,943
NAB Seunit (RM)	1.0179
NAB Seunit Terendah (RM)	1.0150
NAB Seunit Tertinggi (RM)	1.0674
Unit Dalam Edaran ('000)	1,380,200
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Januari 2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ²	2.11
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ³	2.09
Pulangan	
Pulangan Pendapatan (%) ⁴	1.23
Pulangan Modal (%) ⁵	1.79
Jumlah Pulangan (%) ⁶	3.04

Nota:

1. Pengiraan bagi Prestasi Maklumat Kewangan bermula daripada 16 September 2020 (tarikh pelancaran) hingga 31 Disember 2021.
2. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Imbang 3 Global yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 3 Global untuk tempoh kewangan dikira berpandukan atas harian.
3. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tempoh kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 3 Global untuk tempoh kewangan dikira berpandukan atas harian.
4. Pulangan Pendapatan (%):
$$\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$$
5. Pulangan Modal (%):
$$\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$$
6. Jumlah Pulangan (%):
$$\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, ASN Imbang 3 Global telah memperuntukkan sejumlah RM17,252,500 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 1.25 sen seunit.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Imbang 3 Global adalah seperti berikut:

	Pada 31 Disember 2021¹
Pulangan Tahunan (%) ²	2.35
Penanda Aras (%)	12.73

Sumber Tabung: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sumber Penanda Aras: Permodalan Nasional Berhad

Nota:

1. Pengiraan Pulangan Tahunan bermula daripada 16 September 2020 (tarikh pelancaran) hingga 31 Disember 2021.
2. Pengiraan Pulangan Tahunan (*annualized return*) adalah seperti berikut:

$$= \left[[(1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n)]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$
Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASN Imbang 3 Global berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:


	Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2021¹
Jumlah Pulangan (%)	3.04
Penanda Aras (%)	16.70

Sumber Tabung: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sumber Penanda Aras: Permodalan Nasional Berhad

Nota:

1. Pengiraan bagi Jumlah Pulangan bermula daripada 16 September 2020 (tarikh pelancaran) hingga 31 Disember 2021.



Sumber Tabung: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sumber Penanda Aras: Permodalan Nasional Berhad

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

Pada tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, Nilai Aset Bersih (NAB) bagi ASN Imbang 3 Global ialah RM1.40 bilion, dan NAB seunit ialah RM1.0179.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Imbang 3 Global tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjelaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Imbang 3 Global. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas perlaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASN Imbang 3 Global telah berupaya mencapai objektif pelaburan bagi menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Imbang 3 Global adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di bursa saham utama dunia yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Surat Ikatan ASN Imbang 3 Global. ASN Imbang 3 Global boleh melaburkan 35% sehingga 65% daripada NAB dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASN Imbang 3 Global boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Pelaburan di pasaran saham antarabangsa adalah bergantung kepada keadaan pasaran sesebuah negara, pergerakan mata wang di samping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, ASN Imbang 3 Global telah melaksanakan perumpukan aset yang aktif dalam pelaburan. Ini dilaksanakan setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif ASN Imbang 3 Global tercapai.

Sepanjang tempoh kewangan, purata pengagihan aset adalah lebih kepada ekuiti pada julat 55%-65% berbanding penanda aras 50% ekuiti: 50% tunai. Tumpuan lebih diberikan kepada ekuiti berbanding sekuriti berpendapatan tetap dan tunai demi memastikan ASN Imbang 3 Global mampu menjana pendapatan yang kompetitif, selaras dengan risiko pasaran yang diambil.

i. Ekuiti

Dalam tempoh kewangan ini, pelaburan ASN Imbang 3 Global tertumpu kepada pasaran utama dunia dengan pelaburan tertumpu kepada pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah serta pasaran utama Asia seperti China dan juga Jepun. Pelaburan tertumpu kepada sektor teknologi seperti semikonduktor, perisian komputer serta perisian di atas talian yang dilihat mempunyai asas perniagaan yang kukuh didorong oleh peningkatan permintaan di serata dunia. Disokong oleh tren mega, sektor teknologi terus dijangka mendapat manfaat terhadap permintaan yang lebih tinggi untuk barang-barang semikonduktor yang didorong oleh permintaan yang semakin meningkat dari pelbagai sektor seperti automotif, telefon pintar serta pusat penyimpanan data. Di samping itu, pelaburan turut dilakukan terhadap sektor yang dijangka akan menerima manfaat terhadap pembukaan semula ekonomi global pasca COVID-19. Pegangan tertumpu kepada sektor-sektor seperti sektor

kepentingan bukan asas, sektor bahan mentah serta sektor perindustrian. Sektor perindustrian turut dijangka bertambah positif didorong oleh aktiviti ekonomi yang lebih rancak disokong perbelanjaan modal tambahan oleh korporat di serata dunia. Pengurusan ASN Imbang 3 Global dijalankan secara aktif merangkumi strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang turun naik dan putaran modal dari satu sektor kepada sektor yang lain untuk menjana keuntungan serta meningkatkan prestasi ASN Imbang 3 Global.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, ASN Imbang 3 Global telah mempelbagaikan sumber pulangan ASN Imbang 3 Global melalui pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap demi memperolehi pendapatan kupon yang bersesuaian dengan risiko-risiko pelaburan yang telah diambil. Pembelian sekuriti berpendapatan tetap yang dilakukan adalah daripada terbitan yang mempunyai purata kadar hasil yang lebih tinggi dari kadar hasil pasaran kewangan dan penarafan kredit "AA2" yang dianggap bersesuaian dengan risiko pelaburan yang diambil. Pelaburan telah dilakukan dalam sektor-sektor utiliti, pembiayaan projek, perkhidmatan kewangan dan produk pengguna yang mempunyai tempoh matang antara 5 ke 7 tahun.

Pelaburan juga dibuat dalam pasaran wang untuk membolehkan ASN Imbang 3 Global memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, pasaran saham antarabangsa telah mencatatkan prestasi yang memberangsangkan didorong oleh pembukaan semula ekonomi negara-negara utama dunia disokong oleh perkembangan positif program vaksinasi dalam usaha membendung wabak COVID-19 di seluruh dunia. Pembukaan ekonomi ini turut mendapat ransangan tambahan dengan pelancaran pakej fiskal sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, di samping dasar monetari yang longgar. Indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI All-Country World Islamic Index (MSCI ACWII) telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak +26.9%, disokong oleh Amerika Syarikat (S&P 500) yang mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak +40.8%, diikuti oleh India (Nifty 50) +49.6%, Kesatuan Eropah (STOXX 600) sebanyak +30.7%, dan Australia (ASX 200) +25.0% sepanjang tempoh tinjauan.

Di rantau ASEAN, pergerakan indeks pasaran bercampur-campur, bergantung pada keadaan penularan semula wabak COVID-19 di negara masing-masing. Singapura (STI) mencatatkan pulangan tertinggi sebanyak +24.7%, diikuti Indonesia (JCI) +24.5% dan Filipina (PSEI) mencatatkan penurunan sebanyak -19.8% dan Malaysia (FBMKLCI) -2.7%.

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, sektor teknologi global telah mencatatkan prestasi tertinggi (+47.5%) ekoran permintaan tinggi terhadap barang serta perkhidmatan berkaitan teknologi sewaktu sekatan pergerakan dikenakan di seluruh dunia. Sektor tenaga juga mencatatkan pertumbuhan tinggi (+45.7%) disokong oleh harga minyak yang beransur pulih pasca COVID-19 didorong oleh pembukaan semula ekonomi global. Di samping itu, sektor kewangan mencatatkan prestasi positif (+43.4%) disokong oleh aktiviti ekonomi dunia yang semakin pulih pasca COVID-19.

Walaupun mencatatkan prestasi positif, sektor-sektor seperti bahan asas (+14.9%), utiliti (+16.3%), komunikasi (+22.9%) telah mencatatkan prestasi lebih perlahaan berbanding sektor-sektor lain. Prestasi yang lebih perlahaan untuk sektor utiliti didorong oleh kerisauan para pelabur terhadap prospek pertumbuhan prestasi kewangan syarikat-syarikat utiliti ekoran peningkatan ketara kos bahan-bahan utama seperti minyak mentah dan arang batu yang mungkin boleh menjaskan margin pendapatan syarikat. Sementara itu, prestasi sektor penggunaan asas yang kurang memberangsangkan kerana terjejas oleh masalah rantaian bekalan dunia ekoran penutupan ekonomi di seluruh dunia dalam usaha untuk menghadkan penularan COVID-19.

Tabung Kewangan Antarabangsa juga telah menurunkan jangkaan terkini dalam laporan Oktober 2021 terhadap pertumbuhan ekonomi global kepada 5.9% pada tahun 2021 berbanding pertumbuhan sebanyak 6.0% sewaktu jangkaan pada April 2021 ekoran masalah rantaian bekalan dunia, serta kesan pandemik berpanjangan di negara-negara membangun. Petumbuhan pada tahun 2021 dipacu oleh dua ekonomi utama dunia, iaitu Amerika Syarikat (+6.0%) dan China (+8.0%).

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate, OPR) Bank Negara Malaysia (BNM) kekal pada 1.75% setelah BNM menganggap bahawa adalah wajar untuk mengekalkan polisi yang bersifat akomodatif dalam menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan. Kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan juga kekal pada kadar 1.85%.

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) telah mencatatkan kenaikan dalam tempoh yang sama didorong oleh permintaan yang berkurangan daripada para pelabur dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi global yang dijangka bertambah baik pasca COVID-19. Para pelabur lebih cenderung untuk melabur di dalam aset yang dianggap lebih berisiko dalam usaha mencari jangkaan pulangan pelaburan yang lebih berbanding pelaburan di dalam MGS. Kadar hasil MGS 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih tinggi pada 2.97%, 3.18% dan 3.63%, masing-masing naik sebanyak 103, 103 dan 104 mata asas bagi tempoh tersebut. Dalam pasaran bon korporat pula, perubahan kadar hasil secara relatifnya adalah sejajar dengan sekuriti kerajaan. Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf AA berjangka 3 sehingga 10 tahun telah mencatatkan kenaikan kadar hasil antara 65 hingga 91 mata asas.

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Untuk tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2022, Pengurus Pelaburan menjangkakan proses pemulihan ekonomi global pasca COVID-19 akan kekal kondusif hasil pakej rangsangan besar-besaran yang dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh dunia pasca COVID-19 yang akan membantu pemulihan perbelanjaan para pengguna. Lebihan simpanan pengguna yang dijangka akan dibelanjakan tahun ini juga dijangka dapat membantu pertumbuhan ekonomi dunia, terutamanya di negara-negara maju. Aktiviti ekonomi turut disokong oleh pemulihan pelaburan modal yang dilakukan oleh korporat-korporat di serata dunia.

Pemulihan ekonomi global juga dibantu dengan perkembangan positif program vaksinasi COVID-19 yang dijalankan di seluruh dunia di mana negara-negara utama dunia mencapai kadar purata vaksinasi lebih 60 peratus, malah ditambah dengan suntikan penggalak dalam usaha kerajaan di seluruh dunia untuk membuka semula sektor-sektor ekonomi secara penuh dan kekal.

Namun, risiko masih kekal akibat pemulihan ekonomi yang tidak rata terutamanya polisi terhadap varian baru COVID-19 yang berbeza antara negara di seluruh dunia. Contohnya, negara China masih menggunakan strategi "zero COVID" yang akan melambatkan pemulihan ekonomi dunia. Selain itu, kadar inflasi yang kian meningkat dan mungkin memaksa bank-bank pusat di seluruh dunia untuk mempercepatkan kenaikan kadar faedah yang melebihi jangkaan yang akan memberi kesan terhadap kadar faedah pasaran bon, yang seterusnya mungkin memberi kesan kecairan pasaran modal.

Oleh itu, Pengurus Pelaburan akan melaksanakan perumpukan aset yang aktif dengan menyasarkan pelaburan yang lebih tinggi dalam ekuiti berbanding pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang demi memastikan pulangan ASN Imbang 3 Global kekal kompetitif. Pengurus Pelaburan akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

i. Ekuiti

Pelaburan ekuiti ASN Imbang 3 Global akan dilakukan secara selektif dalam saham-saham syarikat yang diniagakan di bawah harga wajar yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi dan juga menepati tema pelaburan semasa. Pelaburan ASN Imbang 3 Global akan diberi tumpuan lebih terhadap negara maju, seperti pasaran Eropah dan Amerika Syarikat. Ini berikutan pakej fiskal yang akan dibelanjakan dapat membantu dalam merancakkan ekonomi serta pelaburan yang dijangka akan dilakukan oleh sektor korporat, terutamanya dalam segmen infrastruktur dan tenaga hijau. Pelaburan di pasaran Asia pula akan diberikan tumpuan terhadap sektor-sektor yang mendapat manfaat dari peralihan sektor automotif dunia kepada kenderaan elektrik (Electric Vehicles – EV), seperti Korea Selatan dan Taiwan, yang merupakan pemain utama di dalam sektor bateri lithium dan juga semikonduktor yang semakin diperlukan di dalam pembuatan kenderaan elektrik. Selain itu, manfaat fiskal terhadap segmen infrastruktur dan tenaga hijau dijangka akan dapat memberi kesan positif kepada sektor perindustrian dan utiliti.

Pelaburan juga akan tertumpu kepada sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang dijangka akan mendapat manfaat daripada pembukaan semula ekonomi pasca COVID-19 terutamanya apabila sempadan antarabangsa negara-negara utama dunia dibuka, dan menyokong pertumbuhan positif kepada sektor berkaitan Barang Bukan Asasi Pengguna.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Pengurus Pelaburan ASN Imbang 3 Global akan memberi tumpuan pelaburan kepada sekuriti hutang kerajaan dan korporat yang berjangka masa sederhana. Sekuriti berpendapatan tetap korporat akan tertumpu kepada korporat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh dan stabil serta mempunyai kadar kecairan yang tinggi. Pelaburan juga akan menggunakan strategi defensif dan aktif dalam melakukan pelaburan demi memastikan kualiti aset yang dilaburkan kekal baik disebalik risiko kenaikan kadar hasil.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap akan dibuat dengan pemilihan instrumen yang bertaraf AA dan A yang bermutu dan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASN Imbang 3 Global.

Di samping pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap korporat, Pengurus Pelaburan juga akan mempelbagaikan pelaburan di dalam sekuriti kerajaan Malaysia dalam memastikan pulangan ASN Imbang 3 Global kekal positif di samping melihat kepada peluang pelaburan terhadap sekuriti-sekuriti kerajaan ekonomi utama dunia seperti US Treasury. Pelaburan dalam sekuriti Kerajaan Malaysia dan antarabangsa adalah bersifat taktikal dalam menjana pendapatan daripada hasil jual beli sekuriti. Pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi menyediakan mudah tunai untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

ASN Imbang 3 Global juga pada sesuatu masa akan mengambil posisi bertahan dengan membuat pelaburan di dalam pelaburan berisiko rendah seperti pelaburan di dalam wang tunai jika berlaku perubahan yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran saham.

Bagi mengekalkan modal jangka panjang serta pulangan yang kompetitif, Pengurus Pelaburan ASN Imbang 3 Global akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Para Pemegang Unit

ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL (Unit Amanah), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh kewangan dari 16 September 2020 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2021, berserta dengan nota-nota yang dikepilkhan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2021, dan keputusan serta aliran tunai bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 4 Februari 2022.

TUN ARIFIN BIN ZAKARIA

Pengerusi

AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

4 Februari 2022

5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Para Pemegang Unit

ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL bagi tempoh kewangan dari 16 September 2020 (Tarikh Dilancarkan) sehingga 31 Disember 2021. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus, telah melaksana dan mengurus ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterima pakai dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL bagi tempoh kewangan dari 16 September 2020 (Tarikh Dilancarkan) sehingga 31 Disember 2021.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL seperti mana yang diisyiharkan oleh Pengurus adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL.

Yang benar,

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

4 Februari 2022

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 3 GLOBAL

Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL, yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 Disember 2021, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tempoh kewangan dari 16 September 2020 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2021, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 18 hingga 55.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil) dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapatkan terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia MFRS dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata

yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan jruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan jruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT

202006000003

(LLP0022760-LCA) & AF 0039

Akauntan Bertauliah

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor

No. 03083/07/2023 J

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

4 Februari 2022

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 16 SEPTEMBER 2020 (TARIKH DILANCARKAN)
SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

	16.9.2020
	sehingga
Nota	31.12.2021
	RM

PENDAPATAN

Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	11,188,292
Pendapatan dividen	7,038,013
Keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)	13,891,429
Kerugian tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)	(6,968,169)
Keuntungan bersih kadar tukaran asing	678,429
	<u>25,827,994</u>

PERBELANJAAN

Yuran pengurus	4	12,153,261
Yuran pemegang amanah	5	607,663
Ganjaran juruaudit		22,000
Yuran ejen cukai		6,800
Perbelanjaan pentadbiran		<u>6,305,186</u>
		<u>19,094,910</u>

PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI

CUKAI	6	-
		<u>6,733,084</u>

PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI

Pengagihan pelaburan	7	<u>17,252,500</u>
----------------------	---	-------------------

Pengagihan kasar dan bersih seunit		1.25 sen
------------------------------------	--	----------

Tarikh Pengagihan

1 Januari 2022

Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:

Ternyata	14,396,185
Tidak ternyata	(7,663,101)
	<u>6,733,084</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 16 SEPTEMBER 2020 (TARIKH DILANCARKAN)
SEHINGGA 31 DISEMBESR 2021**

**16.9.2020
sehingga
31.12.2021
RM**

PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI 6,733,084

**Lain-lain kerugian komprehensif tidak dikelaskan semula
kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya**

Kerugian daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTOCI) (1,374,772)

JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA

5,358,312

Lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:

Ternyata	13,397,523
Tidak ternyata	<u>(8,039,211)</u>
	<u>5,358,312</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021**

**Nota 31.12.2021
 RM**

ASET

Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	8	6,424,470
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)	9	1,081,526,160
Deposit dengan institusi kewangan	10	306,418,492
Pendapatan belum diterima	11	2,711,646
Jumlah ter hutang daripada broker saham		1,973,388
Jumlah ter hutang daripada PNB	12	1,861,740
Tunai di bank		<u>22,716,096</u>
JUMLAH ASET		<u>1,423,631,992</u>

LIABILITI

Peruntukan pengagihan	7	17,252,500
Jumlah ter hutang kepada pengurus		1,200,733
Jumlah ter hutang kepada PNB	12	103,600
Pelbagai pembiutang		<u>131,837</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>18,688,670</u>

NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH

1,404,943,322

EKUITI

Modal pemegang unit	13	1,409,716,293
Rizab-rizab lain		(4,772,971)
JUMLAH EKUITI/NILAI ASET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		<u>1,404,943,322</u>

UNIT DALAM EDARAN

13

1,380,200,000

NILAI ASET BERSIH SEUNIT

1.0179

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 16 SEPTEMBER 2020 (TARIKH DILANCARKAN)
SEHINGGA 31 DISEMBER 2021**

	Modal Pemegang	Rizab-rizab Lain			Jumlah Ekuiti RM
		Unit RM	Ternyata RM	Tidak Ternyata RM	
Pada 16 September 2020 (tarikh dilancarkan)					
Penjadian unit untuk jualan	1,563,639,748	-	-	-	1,563,639,748
Pembatalan unit	(153,923,455)	-	-	-	(153,923,455)
Pengimbangan pengagihan bagi tempoh semasa	7,121,217	-	-	-	7,121,217
Pengagihan pendapatan	(7,121,217)	(10,131,283)	-	-	(17,252,500)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tempoh semasa	-	14,396,185	(9,037,873)	5,358,312	-
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	(998,662)	998,662	-	-
Pada 31 Disember 2021	1,409,716,293	3,266,240	(8,039,211)	1,404,943,322	-

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI

**BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 16 SEPTEMBER 2020 (TARIKH DILANCARKAN)
SEHINGGA 31 DISEMBER 2021**

16.9.2020
sehingga
31.12.2021
RM

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN

Perolehan daripada jualan pelaburan	1,343,405,779
Pembelian pelaburan	(2,433,950,128)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	14,881,109
Dividen bersih diterima	6,802,368
Yuran pengurusan dibayar	(10,952,528)
Yuran pemegang amanah dibayar	(547,626)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(6,262,186)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi dan pelaburan	<u>(1,086,623,212)</u>

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

Perolehan daripada penjadian unit	1,562,319,850
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	<u>(147,240,480)</u>
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	<u>1,415,079,370</u>

PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI

PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	678,430
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	<u>329,134,588</u>

TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:

Tunai di bank	22,716,096
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 10)	306,418,492
Tunai dan persamaan tunai	<u>329,134,588</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL (Unit Amanah) ditubuhkan selaras dengan perlaksanaan Surat Ikatan bertarikh 29 Julai 2020, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Jadual 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 16 September 2020 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian 12.3 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 29 Julai 2020.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 4 Februari 2022.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tempoh 16 September 2020 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2021, telah disediakan selaras dengan MFRS dan IFRS.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan disemak semula yang tertakluk kepada syarikat dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 16 September 2020 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu (IC) yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board (MASB) pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Aset-aset kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

(i) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI) (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menetapkan pelaburan tersebut bukan untuk jual beli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jual beli sekiranya:

- ianya diperoleh dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- Pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan atau FVTOCI akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jual beli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL termasuk dalam untung atau rugi bersih seperti yang dijelaskan di atas.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung atau rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15: *Revenue from contract with customers*, dan dinyatakan berasingan dalam untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berdasarkan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jual beli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab penilaian pelaburan. Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung rugi atas penjualan pelaburan tersebut.

Keuntungan atau kerugian terkumpul dalam pelaburan ekuiti tidak akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi atas penjualan pelaburan. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul bagi instrumen hutang akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi atas penjualan pelaburan.

(iv) Rosot nilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" (ECL). Unit Amanah mengiktiraf eluan kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosot nilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh entiti mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);

- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjelaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara.
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan.
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketidaaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) Penyahiktirafan aset kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindah milikkan

aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindah milikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambil kira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulang pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab boleh agih ternyata.

Pada penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pembiutang diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos transaksi secara langsung dan seterusnya diiktiraf pada kos lunasan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindah milik atau liabiliti diambil alih, diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

(iv) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrumen "puttable" yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Financial Instruments: Presentation.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepenuhnya apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan skim pelaburan kolektif tidak tersenari diambil kira mengikut asas pengisyiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakru berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(e) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi (mata wang fungsian).

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambil kira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e. perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan

komprehensif (OCI) atau pernyataan untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau pernyataan untung atau rugi).

(f) Tunai dan persamaan tunai

Dalam penyediaan pernyataan ariran tunai, tunai dan persamaan tunai adalah termasuk tunai di bank dan instrumen kecairan tinggi, yang tidak membawa risiko yang ketara kepada perubahan nilai.

(g) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunggak yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran nilai saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh diakses oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam pernyataan kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Penilaian dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasian ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasian penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

COVID-19 telah diisyiharkan sebagai wabak oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada bulan Mac 2020. Wabak ini dan tindakan kerajaan Malaysia serta kerajaan-kerajaan di dunia bagi menangani wabak ini telah memberi kesan negatif kepada aktiviti-aktiviti komuniti, ekonomi dan operasi perniagaan. Oleh kerana wabak ini masih berkembang, adalah sangat sukar bagi meramalkan sejauh mana jangka masa dan kesannya terhadap perniagaan dan ekonomi, tempatan maupun global.

Prestasi Unit Amanah untuk tempoh kewangan semasa mungkin dipengaruhi oleh peningkatan turun naik di pasaran saham. Pengurus sedang mengawasi situasi ini dengan teliti dan akan terus menilai kesannya terhadap operasi dan prestasi Unit Amanah apabila situasi semakin berkembang. Pengurus juga telah berusaha untuk menyesuaikan strategi pelaburannya dengan mempelbagaikan portfolio Unit Amanah dan melabur dalam kelas aset baru, baik di pasaran kewangan tempatan dan antarabangsa bagi menangani persekitaran operasi yang semakin mencabar.

4. YURAN PENGURUS

Klaus 13.1 Surat ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih (NAB) Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tempoh kewangan dari 16 September 2020 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2021 ialah 1.0% setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klaus 13.2 Suratikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak 0.05% setahun daripada NAB Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh kewangan dari 16 September 2021 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2021 ialah RM607,663.

6. CUKAI

Cukai pendapatan dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 24% dari pendapatan taksiran yang boleh ditaksir bagi tempoh kewangan dari 16 September 2020 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2021.

Caj cukai bagi tempoh kewangan berakhir adalah berkaitan dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang diperoleh oleh Amanah selepas menolak perbelanjaan yang dibenarkan cukai. Selaras dengan Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967, pendapatan keuntungan yang diperoleh oleh Amanah dikecualikan daripada cukai.

Perbelanjaan penyesuaian cukai pendapatan yang berkaitan dengan pendapatan bersih sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan amanah adalah seperti berikut: -

	16.09.2020	sehingga	31.12.2021	RM
Cukai				-
Pendapatan Bersih Sebelum Cukai			6,733,084	
Cukai pada kadar berkanun Malaysia sebanyak 24%			1,615,940	
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai			(6,198,719)	
Perbelanjaan / item tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai			4,582,779	
Perbelanjaan cukai untuk tempoh tersebut.			-	

7. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

31.12.2021

RM

Peruntukan bagi tempoh semasa	<u>17,252,500</u>
-------------------------------	-------------------

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan sebanyak 1.25 sen seunit bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021 seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit dalam edaran pada akhir tempoh kewangan.

Sumber pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

31.12.2021

RM

Rizab pengagihan pendapatan	7,121,217
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	11,188,292
Pendapatan dividen	7,038,013
Keuntungan ternyata kadar tukaran asing	1,373,361
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan - FVTPL	10,625,188
Kerugian ternyata daripada jualan pelaburan - FVTOCI	(998,661)
	<u>36,347,410</u>
Tolak: Perbelanjaan	(19,094,910)
Jumlah pengagihan	<u>17,252,500</u>

Pengagihan kasar dan bersih seunit	<u>1.25 sen</u>
------------------------------------	-----------------

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (FVTOCI)

31.12.2021

RM

Pada kos:

Pelaburan disebut harga:	
Saham Biasa	<u>6,800,581</u>

Pada nilai saksama:

Pelaburan disebut harga :	
Saham Biasa	<u>6,424,470</u>

Pelaburan disebut harga

Pelaburan disebut harga pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos	Nilai Saksama	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada
		RM	RM	31.12.2021 %
Bahan Asas				
Press Metal Berhad	1,111,500	6,800,581	6,424,470	0.46
Jumlah saham biasa	1,111,500	6,800,581	6,424,470	0.46
Jumlah pelaburan disebut harga	1,111,500	6,800,581	6,424,470	0.46

9. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL)

31.12.2021

RM

Pada kos:

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang
tidak disebut harga

Nota Islam jangka sederhana	(a)	213,055,568
Pelaburan disebut harga - Luar Negara	(b)	866,947,439
Saham biasa		757,616,846
Saham keutamaan		7,170,739
Skim pelaburan kolektif disenaraikan		102,159,854
Pelaburan tidak disebut harga - Luar Negara	(c)	8,491,321
		1,088,494,328

Pada nilai saksama:

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang
tidak disebut harga

Nota Islam jangka sederhana	(a)	208,257,650
Pelaburan disebut harga - Luar Negara	(b)	864,763,950
Saham biasa		753,129,857
Saham keutamaan		7,311,368
Skim pelaburan kolektif disenaraikan		104,322,725
Pelaburan tidak disebut harga - Luar Negara	(c)	8,504,560
		1,081,526,160

(a) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021 %
Nota Islam Jangka Sederhana				
4.65% Kuala Lumpur Kepong Berhad 24.4.2026	5,000,000	5,370,169	5,213,500	0.38
4.00% Press Metal Aluminium Holdings Berhad 15.8.2025	5,000,000	5,013,054	4,985,850	0.35
3.75% Public Islamic Bank Berhad 31.10.2029	5,000,000	5,140,842	5,064,000	0.36
5.20% MNRB Holdings Berhad 23.3.2029	5,000,000	5,175,182	5,120,600	0.36
4.97% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 30.10.2026	5,000,000	5,447,722	5,240,000	0.37
4.75% Sarawak Energy Berhad 18.8.2025	10,000,000	10,704,718	10,462,300	0.74
5.00% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 30.4.2027	5,000,000	5,483,848	5,251,450	0.37

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan	Nilai Saksama	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021 %
	RM	RM	RM	
Nota Islam Jangka Sederhana (Samb.)				
2.97% Imtiaz Sukuk II Berhad 7.10.2025	10,000,000	10,001,518	9,753,200	0.69
5.00% Cagamas Berhad 28.10.2033	10,000,000	11,601,882	10,846,400	0.77
4.68% Telekom Malaysia Berhad 31.10.2028	10,000,000	11,144,924	10,509,300	0.75
5.02% Danga Capital Berhad 21.9.2033	5,000,000	5,821,070	5,411,150	0.39
5.65% Sarawak Energy Berhad 23.6.2026	15,000,000	16,811,298	16,342,350	1.16
4.56% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 12.1.2024	10,000,000	10,399,243	10,313,300	0.73
4.85% Fortune Premiere Sdn. Bhd. 2.11.2023	5,000,000	5,167,349	5,129,800	0.37

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan	Nilai Saksama	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021
	RM	RM	RM	%
Nota Islam Jangka Sederhana (Samb.)				
4.91% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 31.10.2025	5,000,000	5,365,039	5,209,150	0.37
4.80% Fortune Premiere Sdn. Bhd. 13.3.2023	10,000,000	10,225,047	10,199,200	0.74
6.18% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	5,000,000	5,000,000	5,166,350	0.37
4.80% Fortune Premiere Sdn. Bhd. 13.3.2023	10,000,000	10,220,942	10,199,200	0.73
5.00% Sarawak Energy Berhad 4.7.2024	15,000,000	15,880,353	15,704,850	1.12
5.02% Danga Capital Berhad 21.9.2033	5,000,000	5,695,002	5,411,150	0.39
4.80% Fortune Premiere Sdn. Bhd. 13.3.2023	10,000,000	10,228,488	10,199,200	0.73

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021 %
Nota Islam Jangka Sederhana (Samb.)				
5.65% Sarawak Energy Berhad 23.6.2026	15,000,000	16,844,798	16,342,350	1.16
5.20% MNRB Holdings Berhad 22.3.2029	5,000,000	5,144,140	5,120,600	0.36
5.12% UMW Holdings Berhad 4.10.2023	5,000,000	5,168,940	5,185,400	0.37
3.72% The Holstein Milk Company Sdn. Bhd. 28.5.2026	10,000,000	10,000,000	9,877,000	0.71
Jumlah Nota Islam Jangka Sederhana	200,000,000	213,055,568	208,257,650	14.84
Jumlah pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	200,000,000	213,055,568	208,257,650	14.84

(b) Pelaburan disebut harga – Luar negara

Pelaburan disebut harga – Luar Negara pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021						
Saham Biasa										
Australia										
Penjagaan Kesihatan										
CSL Ltd		12,000	9,892,592	10,566,621	0.75					
Bahan Asas										
BHP Group Ltd		70,000	8,147,506	8,798,854	0.63					
China										
Perindustrian										
Contemporary Amperex Technology Co Ltd		41,900	13,564,806	16,140,662	1.15					
Perancis										
Barangan Asasi Pengguna										
Hermes International		39	272,766	283,801	0.02					
Barangan Bukan Asasi Pengguna										
L'Oreal SA		8,000	15,915,216	15,802,739	1.12					
Teknologi Maklumat										
Kering SA		5,500	19,276,080	18,419,552	1.31					
Utiliti										
Electricite De France SA		100,000	6,337,022	4,893,941	0.35					

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021 %
Saham Biasa (samb.)				
Jerman				
Barangan Asasi Pengguna				
Adidas AG	13,000	18,740,750	15,594,284	1.11
Perindustrian				
Deutsche Post AG	45,000	12,010,173	12,053,876	0.86
Siemens AG	20,000	14,077,889	14,466,735	1.03
	65,000	26,088,062	26,520,611	1.89
Hong Kong				
Perkhidmatan Komunikasi				
Tencent Holdings Ltd	27,900	8,901,677	6,810,256	0.48
Barangan Asasi Pengguna				
Shenzhou International Group Holdings Ltd	170,000	15,524,277	13,617,070	0.97
Indonesia				
Barangan Asasi Pengguna				
Bukalapak.Com PTTBK	74,206,033	18,611,359	9,326,918	0.66
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Unilever Indonesia TBK PT	6,000,000	8,969,116	7,208,146	0.51

Syarikat	Unit	Kos RM	Saksama RM	Nilai Bersih Pada 31.12.2021 %	Nilai Saksama Atas Nilai Aset
Saham Biasa (samb.)					
Jepun					
Barangan Bukan Asasi Pengguna					
Shiseido Co Ltd		46,000	13,561,594	10,673,960	0.76
Penjagaan Kesehatan					
Hoya Corp		28,000	18,335,324	17,331,926	1.23
Taiwan					
Perindustrian					
Fanuc Corp		9,500	8,916,130	8,379,075	0.60
Keyence Corp		5,000	13,498,730	13,074,556	0.93
		14,500	22,414,860	21,453,631	1.53
Korea Selatan					
Perkhidmatan Komunikasi					
Krafton Inc		8,398	14,988,856	13,538,317	0.96
Netherland					
Tenaga					
Royal Dutch Shell PLC		80,000	6,647,378	7,318,644	0.52
Teknologi Maklumat					
ASML Holding NV		4,957	16,683,480	16,596,343	1.18

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021 %
Saham Biasa (samb.)				
Taiwan				
Teknologi Maklumat				
Wiwynn Corp		112,500	15,841,569	18,888,016
United Kingdom				
Tenaga				
BP PLC		400,000	6,887,597	7,459,632
Bahan Asas				
Glencore PLC		273,000	5,500,805	5,775,931
Amerika Syarikat				
Perkhidmatan Komunikasi				
Alphabet Inc		3,420	35,938,406	41,276,431
Barangan Asasi Pengguna				
Amazon.Com Inc		1,350	19,963,534	18,752,760
Booking Holdings Inc		1,500	14,618,241	14,992,867
Grab Holdings Ltd		554,860	23,358,236	16,481,415
Nike Inc		18,000	9,950,866	12,498,315
Sea Ltd		16,100	20,685,465	15,004,890
Ulta Beauty Inc		9,000	14,433,085	15,460,357
		600,810	103,009,427	93,190,604
				6.63
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Coca-Cola Co		105,960	25,975,868	26,137,169
Estee Lauder Cos Inc		13,451	16,924,432	20,744,956
Monster Beverage Corp		10,000	3,793,121	4,001,047
		129,411	46,693,421	50,883,172
				3.62

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021 %
Saham Biasa (samb.)				
Amerika Syarikat (samb.)				
Tenaga				
Daqo New Energy Corp	30,000	11,369,350	5,039,220	0.36
Exxon Mobil Corp	55,000	14,683,878	14,020,538	1.00
	85,000	26,053,228	19,059,758	1.36
Penjagaan Kesihatan				
Abbott Laboratories	24,700	13,990,397	14,482,250	1.03
Medtronic PLC	18,000	9,513,525	7,757,549	0.55
	42,700	23,503,922	22,239,799	1.58
Perindustrian				
Fedex Corp	10,000	10,733,020	10,774,999	0.77
Johnson Controls International PLC	47,000	14,295,356	15,920,744	1.13
	57,000	25,028,376	26,695,743	1.90
Teknologi Maklumat				
Adobe Inc	7,889	21,026,350	18,636,850	1.33
Advanced Micro Devices Inc	22,000	8,551,765	13,188,792	0.94
Apple Inc	40,000	25,728,169	29,590,420	2.11
Broadcom Inc	6,560	12,938,130	18,185,058	1.29
Mastercard Inc	10,289	14,308,605	15,401,964	1.10
Microchip Technology Inc	68,940	23,723,282	25,004,115	1.78
Microsoft Corp	29,600	35,264,014	41,473,047	2.95
Nvidia Corp	20,918	19,831,839	25,630,170	1.82
Salesforce.com Inc	20,400	24,079,967	21,597,707	1.54
Visa Inc	20,000	20,835,253	18,056,372	1.29
	246,596	206,287,374	226,764,495	16.15

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021 %
Saham Biasa (samb.)				
Jumlah Pelaburan				
Disebut Harga				
- Luar Negara	82,851,664	757,616,846	753,129,857	53.59
REITs				
Amerika Syarikat				
American Tower Corp	6,000	7,170,739	7,311,368	0.52
Jumlah REITs	6,000	7,170,739	7,311,368	0.52
Skim pelaburan kolektif disenaraikan				
United Kingdom				
IShares PLC - Ishares Core FTSE 100 UCITS ETF	270,000	10,631,864	10,967,860	0.78
Amerika Syarikat				
IShares Global Clean Energy ETF	177,774	17,920,873	15,678,721	1.12
Ishares Global Financial ETF	30,000	7,758,279	10,005,951	0.71
IShares MSCI USA Min Vol Factor ETF	61,000	20,334,999	20,558,901	1.46
US Global Jets ETF	90,000	8,920,070	7,907,526	0.56
Vanguard Financials ETF	60,000	20,712,944	24,138,764	1.72
Vanguard Small-Cap ETF	16,000	15,880,825	15,065,002	1.07
	434,774	91,527,990	93,354,865	6.64

Syarikat	Unit	Kos RM	Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021 %
----------	------	-----------	---------------	---

Skim pelaburan kolektif disenaraikan (samb.)

Jumlah skim pelaburan kolektif disenaraikan	704,774	102,159,854	104,322,725	7.42
Jumlah Pelaburan Disebut Harga				
- Luar Negara	83,562,438	866,947,439	864,763,950	61.53

(c) Pelaburan tidak disebut harga – Luar Negara

Pelaburan tidak disebut harga - Luar Negara pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut

Syarikat	Unit	Kos RM	Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2021 %
----------	------	-----------	---------------	---

Indonesia

Teknologi Maklumat PT Aplikasi KaryaAnak Bangsa	77,646,737	8,491,321	8,504,560	0.61
Jumlah Pelaburan Tidak Disebut Harga				
- Luar Negara	77,646,737	8,491,321	8,504,560	0.61

10. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

31.12.2021
RM

Pada kos

Bank-bank berlesen	<u>306,418,492</u>
--------------------	--------------------

Purata wajaran kadar faedah efektif (PWKFE) tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

31.12.2021
Purata Tempoh
WAEIR (% p.a) Matang (Hari)

Bank-bank berlesen	<u>2.10</u>	<u>16</u>
--------------------	-------------	-----------

Tidak ada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang melebihi 90 hari.

11. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

31.12.2021
RM

Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	<u>2,476,001</u>
Dividen	<u>235,645</u>
	<u>2,711,646</u>

12. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/KEPADА PNB

31.12.2021
RM

Jumlah terhutang daripada PNB terdiri daripada:

Penjadian unit	<u>1,861,740</u>
----------------	------------------

Jumlah terhutang kepada PNB terdiri daripada:

Pembatalan unit	<u>103,600</u>
-----------------	----------------

13. MODAL PEMEGANG UNIT

	31.12.2021	Unit	RM
Pada tarikh dilancarkan	-	-	-
Penjadian unit untuk			
- jualan	1,520,800,000	1,563,639,748	
Pembatalan unit	<u>(140,600,000)</u>	<u>(153,923,455)</u>	
Pengimbangan pengagihan			
bagi			
- tempoh semasa	-	7,121,217	
- pengagihan	-	(7,121,217)	
Pada akhir tempoh	<u>1,380,200,000</u>	<u>1,409,716,293</u>	

Sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, Pengurus tidak memegang sebarang unit dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember 2021, PNB secara sah memegang 503,594 unit, merangkumi 0.04% daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

14. URUSNIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/BROKER/DEALER/INSTITUSI KEWANGAN

Syarikat broker saham/broker/dealer/institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga RM	Pecahan Jumlah Urus Niaga %	Yuran Broker RM	Pecahan Jumlah Yuran Broker %
Nomura Securities Malaysia Sdn Berhad (Instinet)	447,866,582	11.90	641,222	14.07
Affin Hwang Investment Bank Berhad (Daiwa)*	384,129,568	10.21	433,022	9.50
Citigroup Global Markets Sdn Bhd	370,778,732	9.85	712,357	15.63
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn Bhd	303,727,696	8.07	198,398	4.35
Credit Suisse Securities (Malaysia) Bhd	289,385,515	7.69	444,901	9.76
CLSA Securities Malaysia Sdn Bhd	284,770,976	7.57	485,389	10.65
Maybank Investment Bank Berhad*	381,638,974	10.14	325,592	7.14
CIMB Investment Bank Berhad*	227,216,607	6.04	317,939	6.97
Exane BNP Paribas (France)	185,026,881	4.92	171,280	3.76
JP Morgan Securities (Malaysia) Sdn Bhd	172,743,738	4.59	119,055	2.61
Lain-lain	715,471,180	19.02	709,306	15.56
	3,762,756,449	100.00	4,558,461	100.00

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung dalam syarikat-syarikat di atas.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO

31.12.2021

Pusing Ganti Portfolio (PGP)

2.09 kali

PGP adalah dikira berdasarkan pada nisbah purata jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan atas harian.

16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

31.12.2021

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)

2.11%

NPP adalah dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan atas harian.

17. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL

(a) Pengenalan

Unit Amanah ini terdedah kepada pelbagai risiko termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan. Walaupun risiko kewangan jenis ini adalah yang terpenting bagi setiap jenis instrumen kewangan, Pengurus dan Pemegang Amanah ingin menekankan bahawa senarai ini tidak bertujuan untuk membentuk satu senarai yang lengkap bagi semua risiko yang wujud dalam pelaburan Unit Amanah. Objektif pengurusan risiko kewangan Unit Amanah adalah untuk mengurangkan kerugian modal.

(b) Struktur pengurusan risiko dan aktiviti

Pengurus dan Pengurus Pelaburan bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko. Aktiviti pengurusan risiko adalah berdasarkan rangka kerja pengurusan Unit Amanah. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah, Pengurus dan Pengurus Pelaburan bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko keseluruhan Unit Amanah.

Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui kajian dasar, sistem kawalan dalam dan pematuhan kepada kuasa pelaburan dan sekatan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia dan garis panduan pelaburan unit amanah. Kajian semula strategi pelaburan termasuk analisis asas kepada ekonomi, sektor dan sekuriti dijalankan sebagai sebahagian daripada kawalan risiko kewangan Unit Amanah.

(c) Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan bahawa nilai pelaburan akan berkurangan akibat dari penurunan dalam pasaran kewangan yang disebabkan

oleh faktor-faktor ekonomi, politik dan /atau lain-lain yang akan menjelaskan prestasi Unit Amanah.

Risiko pasaran tidak boleh dihapuskan tetapi peruntukan aset dan strategi kepelbagaiannya boleh mengurangkan risiko ini.

(i) Risiko harga ekuiti

Risiko ekuiti adalah risiko bahawa nilai saksama instrumen kewangan akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam pembolehubah pasaran, iaitu harga ekuiti, kadar faedah, kadar pertukaran asing dan harga komoditi. Risiko pasaran diuruskan melalui kepelbagaiannya portfolio dan perubahan dalam peruntukan aset, dan tindak balas pantas kepada pelbagai faktor yang boleh menjelaskan Unit Amanah.

Risiko harga ekuiti boleh dikurangkan melalui analisa fundamental ke atas syarikat-syarikat dan pemantauan berterusan ke atas fundamental syarikat asas dan prestasi sahamnya.

Sensitiviti risiko harga ekuiti

Berikut adalah anggaran terbaik Pengurus atas kesan ke atas lain-lain pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa disebabkan oleh perubahan munasabah dalam harga ekuiti, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah seperti dalam jadual di bawah:

Indeks pasaran	Kesan ke atas lain-lain pendapatan komprehensif	
	Perubahan pada harga ekuiti %	tempoh Naik/ (turun) RM
31.12.2021		
Pelaburan dalam FVTOCI	+10/-10	6,424 / (6,424)
Pelaburan dalam FVTPL	+10/-10	873,269 / (873,269)

Analisis sensitiviti di atas mengandaikan bahawa portfolio ekuiti bergerak sejajar dengan perubahan harga di atas.

Risiko penumpuan harga ekuiti

Penumpuan harga ekuiti Unit Amanah dianalisa oleh instrumen ekuiti Unit Amanah mengikut sektor adalah seperti di Nota 8 dan 9.

(ii) Risiko kadar pendapatan

Risiko kadar pendapatan merujuk kepada kesan perubahan kadar pendapatan ke atas penilaian instrumen berpendapatan tetap. Prestasi instrumen berpendapatan tetap mungkin terjejas sekiranya kadar pendapatan meningkat dengan ketara.

Bagi mengurangkan risiko kadar pendapatan, Pengurus perlu memantau portfolio instrumen berpendapatan tetap dengan menjalankan kajian yang kerap ke atas pergerakan kadar pendapatan, jangkaan pasaran dan menyesuaikan strategi portfolio sekiranya perlu, berdasarkan objektif Unit Amanah.

Sensitiviti risiko kadar pendapatan

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti lain-lain pendapatan komprehensif Unit Amanah bagi tempoh semasa ke atas perubahan yang munasabah dalam kadar pendapatan, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah.

Sensitiviti adalah kesan perubahan yang diandaikan dalam kadar pendapatan pada:

- lain-lain pendapatan komprehensif selama satu tempoh kewangan, berdasarkan aset kewangan kadar terapung yang dipegang pada akhir tempoh pelaporan;
- perubahan dalam nilai saksama pelaburan untuk tempoh kewangan, berdasarkan penilaian semula aset kewangan kadar tetap pada akhir tempoh pelaporan.

Sensitiviti perubahan dalam untung/ (rugi) bagi tempoh kewangan	Perubahan mata asas*	Naik/ (turun)	RM
31.12.2021			766,046 /
Deposit dengan institusi kewangan	+25/-25	↑	(766,046)
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	+25/-25	↑	520,644 / (520,644)

* Pergerakan yang diandaikan dalam mata asas bagi analisa sensitiviti kadar pendapatan berdasarkan pemerhatian ke atas persekitaran semasa pasaran yang diawasi.

Jadual berikut menganalisa pendedahan risiko kadar pendapatan Unit Amanah. Aset dan liabiliti Unit Amanah diletakkan pada nilai saksama dan dikategorikan berdasarkan kepada penentuan semula harga kontraktual atau tarikh kematangan kontrak yang mana terdahulu.

	1 bulan hingga 3 bulan RM	3 bulan hingga 1 tahun RM	1 tahun hingga 10 tahun RM	10 tahun dan keatas RM	Tanpa faedah RM	Jumlah RM	Kadar faeda h %
2021							
Aset:							
Pelaburan pada FVTOCI	-	-	-	-	6,424,470	6,424,470	-
Pelaburan pada FVTPL	-	-	186,588,950	21,668,700	873,268,510	1,081,526,160	4.84
Deposit dengan institusi kewangan	306,418,492	-	-	-	-	306,418,492	2.10
Lain-lain aset	-	-	-	-	29,262,870	29,262,870	-
Jumlah aset	<u>306,418,492</u>	<u>-</u>	<u>186,588,950</u>	<u>21,668,700</u>	<u>908,955,850</u>	<u>1,423,631,992</u>	
Liabiliti:							
Lain-lain liabiliti	-	-	-	-	18,688,670	18,688,670	
Jumlah Liabiliti	-	-	-	-	18,688,670	18,688,670	
Jumlah jurang sensitiviti faedah	306,418,492	-	186,588,950	21,668,700	890,267,180	1,404,943,322	

(d) Risiko kredit

Risiko kredit adalah berkaitan dengan kepercayaan kredit penerbit instrumen berpendapatan tetap dan jangkaan keupayaan mereka untuk membuat pembayaran faedah dan/atau prinsipal tepat pada masanya yang boleh menjasakan prestasi portfolio instrumen berpendapatan tetap.

Risiko kredit diuruskan dengan memastikan Unit Amanah melabur dalam instrumen berpendapatan tetap yang diterbitkan oleh penerbit yang mempunyai asas yang kukuh dengan kepercayaan kredit yang baik dan sentiasa memantau keupayaan penerbit bagi memenuhi pembayaran hutang dan perjanjian kewangan.

Pendedahan risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Unit Amanah terhadap risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Kualiti kredit aset kewangan

Unit Amanah melabur dalam sekuriti hutang yang diberi penarafan kredit sekurang-kurangnya gred pelaburan oleh agensi penarafan kredit. Jadual berikut menganalisa portfolio sekuriti hutang Unit Amanah mengikut kategori penarafan:

Penarafan Kredit	31.12.2021	
	% atas sekuriti hutang	% atas nilai aset bersih
AAA	48.66	7.21
AA1	4.94	0.74
AA2	4.68	0.69
AA3	2.39	0.35
AA+	2.49	0.37
AA	17.16	2.57
A1	4.92	0.72
AA-	12.28	1.82
A+	2.48	0.37
	100.00	14.84

(e) Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan untuk mencairkan aset yang bergantung kepada jumlah aset yang diniagakan di pasaran. Jika Unit Amanah menyimpan aset yang tidak cair, prestasi Unit Amanah akan terjejas apabila ia perlu menjual aset pada harga yang kurang menguntungkan.

Risiko kecairan juga adalah apabila Unit Amanah menghadapi kesukaran dalam memenuhi pelucutan unit oleh pemegang unit.

Risiko kecairan boleh dikurangkan dengan menguruskan pegangan Unit Amanah dalam aset kurang cair melalui strategi perumpukan aset dan mengekalkan aset cair yang mencukupi untuk memenuhi pelucutan unit oleh pemegang unit.

Dasar Pengurus adalah untuk sentiasa mengekalkan aset cair secara berhemah dan pada tahap yang mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi dan permintaan penebusan oleh pemegang unit. Aset cair terdiri daripada tunai, deposit dengan institusi kewangan dan lain-lain instrumen yang mampu ditukar menjadi wang tunai dalam tempoh 7 hari.

Jadual berikut meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan. Baki tertunggak dalam tempoh enam bulan sama ada dengan nilai yang dibawa kerana kesan pendiskaunan adalah tidak ketara.

Liabiliti Kewangan	Kurang dari 1 bulan hingga		
	1 bulan RM	1 tahun RM	Jumlah RM
Lain-lain liabiliti			
31.12.2021	1,304,333	131,837	1,436,170

Pengkelasan kematangan adalah berdasarkan baki tempoh dari akhir tempoh pelaporan hingga tarikh matang kontrak. Apabila pihak yang berurusan dengan Unit Amanah mempunyai pilihan untuk menentukan tarikh pembayaran, liabiliti tersebut hendaklah diperuntukkan untuk tempoh yang terawal di mana Unit Amanah diperlukan untuk membuat pembayaran.

(f) Risiko penumpuan

Risiko penumpuan adalah kebarangkalian kerugian yang timbul daripada kekurangan kepelbagaiannya, melabur terlalu besar dalam satu industri, satu lokasi geografi atau satu jenis sekuriti. Penumpuan yang berlebihan juga boleh mengakibatkan risiko kecairan atau risiko kerugian saham tertentu.

Risiko ini dapat dikurangkan dengan melabur ke dalam kelas aset dan sekuriti yang berbeza dalam pelbagai sektor atau lokasi geografi yang berbeza dalam had yang diluluskan. Ia juga boleh dikurangkan melalui pengawasan yang rapat kepada pelaburan yang mana pendedahannya adalah terlalu tertumpu.

18. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN BERKAITAN

Nilai saksama

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

(i) Tunai dan persamaan tunai, Deposit dengan Institusi Kewangan, Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham, Tuntukan Cukai, dan Pendapatan Belum Diterima/Pelbagai Pembiutang

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) Pelaburan disebut harga

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan dalam negara dan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga dan sekuriti

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iv) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

(v) Pelaburan tidak disebut harga

Unit Amanah menggunakan kaedah aliran tunai diskaun untuk menentukan nilai saksama bagi pelaburan tidak disebut harga. Kaedah atau gabungan beberapa kaedah berbeza boleh digunakan bergantung pada keadaan seperti perubahan dalam syarikat, amalan industri dan evolusi dalam pelbagai kaedah penilaian. Oleh itu, nilai saksama setiap syarikat akan berbeza-beza bergantung pada kaedah yang digunakan.

19. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

31.12.2021	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
------------	--------	--------	--------	--------

**Pelaburan pada nilai saksama
melalui lain-lain pendapatan
komprehensif (FVTOCI)**

Ekuiti disebut harga	6,424,470	-	-	6,424,470
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	6,424,470	-	-	6,424,470

**Pelaburan pada nilai saksama
melalui untung rugi (FTVPL)**

Ekuiti disebut harga	864,763,950	-	-	864,763,950
Ekuiti tidak disebut harga	-	-	8,504,560	8,504,560

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	208,257,650	-	208,257,650
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	864,763,950	208,257,650	8,504,560	1,081,526,160

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

Jadual berikut menunjukkan penyelarasan nilai saksama Aras 3:

	31.12.2021
Pada 16 September 2020	-
Pemerolehan ke perolehan	8,491,321
Jumlah untung tidak ternyata	13,239
Pada 31 Disember 2021	<hr/>
	8,504,560

20. LAPORAN BERSEGMENTASI

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

21. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Persiaran Perdana, 62675 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 &18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor , Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah , Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Putat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah

JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram 83000 Batu Pahat Johor	Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 Johor Bahru Johor
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 Kota Kinabalu , Sabah	TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 Tawau , Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri , Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsioi 98700 Limbang , Sarawak
4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 Sri Aman , Sarawak	Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibu , Sarawak

PENGURUS

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD 197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD 197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB

201-A, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya

No. 2, Jalan Ampang, 50508 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2036 5129/5003

Faks: 03-2072 0320

Emel: art@arb.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my